

Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Kepimpinan Wanita dalam Industri Kreatif di Malaysia: Dapatan Kajian Rintis

Kartini Kamalul Ariffin*
Faridah Ibrahim

Infrastructure University Kuala Lumpur, Malaysia

*Emel perhubungan: kartini.ariffin@gmail.com

Abstrak

Kajian ini menumpukan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kepimpinan wanita dalam industri kreatif di Malaysia. Kajian ini begitu signifikan kerana penyelidikan tentang kepimpinan wanita dalam industri kreatif masih tidak banyak dilakukan. Makalah ini menumpukan kepada dapatan temu bual dengan eksekutif kanan wanita yang bertugas dalam sektor kreatif seperti radio, filem, televisyen dan organisasi kandungan digital di Malaysia. Perkembangan semasa yang menyaksikan semakin ramai wanita yang mempunyai kedudukan tinggi dalam industri kreatif seakan membenarkan hipotesis bahawa semakin luas peluang untuk mereka mengurus dan mempengaruhi kandungan yang disiarkan dalam semua platform media. Mereka bukan sekadar menjadi pemimpin industri, tetapi diandaikan mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi sikap khalayak menerusi penghasilan kandungan kreatif yang bernuansa baharu. Bagi memahami situasi ini, makalah ini mengengahkan data awal daripada dua informan yang membincangkan ciri-ciri dan faktor yang menyumbang kepada senario kepimpinan wanita dalam industri kreatif. Data yang dibincangkan ini adalah sangat penting kerana ianya memberi peluang kepada pengkaji menyusup ke dalam suara nurani pemimpin wanita dalam industri budaya. Data awal daripada kajian ini menunjukkan transformasi digital memainkan peranan untuk memberi suara kepada pengkarya wanita dan seterusnya mempengaruhi para pengikutnya. Informan dalam kajian rintis ini menyatakan kesedaran gender adalah sangat penting dalam mengukuhkan kepimpinan wanita. Walau bagaimanapun, usaha merekayasa kepimpinan wanita dan meruntuhkan stereotaip terhadap wanita dalam media kerap terhalang oleh faktor seperti budaya popular, rating dan perihal keuntungan. Selain itu, kehendak khalayak juga sentiasa diutamakan oleh pihak pengurusan organisasi kreatif dan institusi media berbanding kualiti kandungan. Kajian rintis ini juga menyatakan sistem sokongan adalah sangat penting sebagai petanda kejayaan wanita dalam kepimpinan industri kreatif. Sistem sokongan ini terbahagi kepada dua iaitu peringkat dalaman dan luaran. Sistem sokongan dalaman termasuklah dari kaum keluarga, sanak-saudara dan pasangan hidup kepada profesional wanita dalam industri kreatif. Sistem sokongan luar pula adalah berupa sokongan daripada pemimpin atasan dan kepercayaan serta dorongan daripada para pekerja.

Kata Kunci: *Industri Kreatif, Kepimpinan, Wanita, Pembuatan Keputusan, Penyiar, Digital.*